

21 APR 1998

Sukma-Badminton

KUALA LUMPUR BERENTAP DENGAN SELANGOR PADA AKHIR

SHAH ALAM, 21 April (Bernama) -- Juara bertahan badminton berpasukan lelaki Kuala Lumpur yang diperkuatkan dengan kehadiran dua pemain skuad pelapis kebangsaan, mara ke perlawanan akhir setelah menyingkirkan Perak 3-0 di Dewan Persatuan Badminton Selangor (SBA) di ibu negara hari ini.

Pada perlawanan akhir esok, Kuala Lumpur akan berentap dengan Selangor yang memusnahkan harapan Pulau Pinang.

Yap Yen Jyen terpaksa berhempas pulas sebelum menang tipis ke atas Yeoh Kay Bin dalam perseorangan pertama 17-16, 17-15. Ramesh Nathan, pemain skuad pelapis kebangsaan seperti biasa mempamerkan permainan cemerlang untuk mengetepikan cabaran Lee Tsuen Seng 15-12, 15-10.

Gandingan Mahathir Mustafa dan M. Subramaniam juga tidak menghadapi masalah mengalahkan beregu Perak Song Weng Yee-Yeoh Kay Bin.

Mengenai perlawanan akhir esok, jurulatih Kuala Lumpur M. Krishnan berkata mereka sekali lagi meletakkan harapan kepada Ramesh dan Yen Jyen untuk mempamerkan permainan yang memberangsangkan bagi memastikan emas milik mereka.

Pada satu lagi perlawanan separuh akhir Selangor menempah tiket ke perlawanan akhir untuk bertemu Kuala Lumpur dengan kemenangan tipis 2-1 ke atas Pulau Pinang.

Selangor memulakan cabaran perseorangan pertama dengan menurunkan Tan Soo Sen yang terpaksa tunduk kepada lawan yang lebih handal, Khor Eng Chun 8-15, 10-15.

Bagaimanapun pemain pelatih skuad Piala Thomas Chan Chong Ming yang bergandingan dengan Yap Wee Ming menumpaskan pasangan Lim Theam Teow/Khoo Kok Kheng dari Pulau Pinang 2-15, 15-4, 15-6 untuk menyamakan kedudukan.

Dalam perlawanan penentuan, pemain Selangor Siew Yan Wai mengambil kesempatan menumpaskan Theam Teow yang keletihan kerana bermain beregu sebelumnya, 15-12, 15-14.

KEPUTUSAN:

Lelaki berpasukan

Separuh Akhir:

Kuala Lumpur mn Perak 3-0.

Yap Yen Jyen mn Yeoh Kay Bin 17-16, 17-15; Ramesh Nathan mn Lee Tsuen Seng 15-12, 15-10; Mahathir Mustafa/M. Subramaniam mn Song Weng Yee/Kay Bin 15-4, 15-12.

Selangor mn Pulau Pinang 2-1.

Tan Soo Sen kk Khor Eng Chun 8-15, 10-15; Siew Yan Wai mn Lim Theam Teow 15-12, 15-14; Chan Chong Ming/Yap Wee Ming mn Lim Theam Teow/Khoo Kok Kheng 2-15, 15-4, 15-6.

Wanita berpasukan

Kumpulan B:

Pulau Pinang mn Pahang 3-0.

Cindy Lim mn Chew Pei Jin 11-1, 12-10; Chin Eei Hui mn Khor Yuh Fong 11-1, 11-3; Wong Siew Hong/Lee Siew May mn Leau Hui Ming/Ho Shuh Mei 15-6, 15-3.

Perak mn Kedah 2-1.

Lim Poh Ching mn Goi Bok Jia 11-6, 11-4; Tham Wai Bee kk Ooi Chia Ee

8-11, 7-11; Lim Poh Ching/Karen Lim mn Lau Hooi Woon/Ooi Chia Ee 15-8,15-4.

Sementara itu pasukan wanita Kuala Lumpur mara ke akhir setelah menewaskan Sarawak 3-0. Woo Pui Kuan mengalahkan Andrea Chong dari Sarawak pada perseorangan pertama 11-6, 11-2.

Ng Mee Feng mengesahkan tiket Kuala Lumpur ke perlawanan akhir dengan kemenangan mudah ke atas Justina Annette 11-2,11-2. Dalam perlawanan beregu, Sarawak yang menurunkan Ang Lee Ching-Andrea Chong kalah kepada pasangan Kuala Lumpur Kavitha-Ravinder.

Kuala Lumpur akan bertemu juara bertahan Selangor pada perlawanan akhir.

Terdahulu Perak meraih pingat gangsa bagi acara pasukan lelaki setelah menumpaskan Pulau Pinang 3-0.

KEPUTUSAN:

Pasukan lelaki:

Tempat ketiga.

Perak mn Pulau Pinang 3-0.

Lee Tsuen Seng mn Lim Theam Theow 15-12, 15-10; Yeoh Kay Bin mn Khor Eng Chun 15-3, 15-8; Seong Weng Yee/Yeoh Kay Bin mn Lim Theam Teow/Khoo Kok Kheng 6-15, 15-11, 3-5 (berhenti).

Pasukan wanita:

Sepuluh akhir.

Kuala Lumpur mn Sarawak 3-0.

Woo Pui Kuan mn Andrea Chong 11-6, 11-2; Ng Mee Feng mn Justina Annette 11-2, 11-2; Kavitha Kaur/Ravinder mn Ang Lee Ching/Andrea Chong 15-3, 15-1.

Selangor mn Pulau Pinang 2-1.

Lee Winnie mn Wong Siew Hong 11-5, 11-1; Wong Pet Tty kk Chin Bei Mui 11-6, 6-11, 11-12; Lee Winnie/Chong Nga Fang mn Bei Mui/Siew Hong 15-10, 15-13.

Tempat ketiga:

Wanita

Sarawak mln Pulau Pinang (9.00 pagi)

Akhir:

Lelaki

Selangor mln Kuala Lumpur (6.30 petang)

Wanita

Selangor mln Kuala Lumpur (6.30 petang) -- BERNAMA

SHS ZAB